

## **Islamic Scholars in Malay Archipelago: Sheikh Daud al-Fatani (1769-1847M) Contribution's in Fiqh al-Shafie**

### **Tokoh Ulama Nusantara: Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani (1769-1847m) dalam Fiqh al-Shafie**

**Ahmad Sharifuddin Mustapha<sup>1\*</sup>, Abdul Karim Ali<sup>2</sup>, Nur Zainatul Nadra Zainol<sup>1</sup>, Intan Farhana Saparudin<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup>Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2020.02.03.012>

Received 30 September 2020; Accepted 30 November 2020; Available online 31 December 2020

**Abstract:** Malay world had produced scholars who expert in fiqh, akidah, akhlak, Sufism and other area. They actively disseminated Islam to local residents by producing a plenty of publications as a valuable legacy to the Muslims, especially in the Malay archipelago. Among the scholars was Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani known as a prolific scholar in various areas. However, his work in fiqh al-Shafie given less attention compared to other areas. This article examines the contribution of Sheikh Daud in writing descriptively and analyze the works of fiqh al-Shafie. In order to achieve the objectives outlined, this article used the method of content analysis of these texts being entitled Bughyat al-Tullab, al-Saidu Wa al-Zabaih, al-Bahjat al-Saniyat, Mun al-Musalla and Al-Hidayah Mut'allim. In addition, the method of semi-structured interviews were conducted to obtain additional data associated with the topic. The results showed Sheikh Daud gave significant contribution to the development of Islam in the region of Malaya with the publication of scientific writing in Fiqh Shafie area. He was able to do islah to community around her by produced books and manuscripts. Those publications are still cited today.

**Keywords:** Malay scholar, Malay Archipelago, fiqh al-Shafie, publications

**Abstrak:** Alam Melayu telah melahirkan ulama-ulama yang mahir dalam bidang fiqh, akidah, akhlak, tasawuf dan sebagainya. Mereka giat mengembangkan ilmu-ilmu Islam kepada penduduk-penduduk setempat dengan menghasilkan penulisan-penulisan yang bermutu sebagai warisan yang bernilai untuk umat Islam khususnya di Nusantara. Antara tokoh ulama adalah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dikenali sebagai ulama yang banyak menghasilkan karya dalam pelbagai. Namun, karya beliau dalam fiqh al-Shafie kurang diberi perhatian berbanding dengan bidang-bidang lain. Artikel ini bertujuan untuk mengupas sumbangan Syeikh Daud dalam bidang penulisan serta menganalisis secara diskriptif karya-karya fiqh al-Shafie. Bagi mencapai objektif yang digariskan, artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan antaranya naskah yang bertajuk *Bughyat al-Tullab, al-Saidu Wa al-Zabaih, al-Bahjat al-Saniyat, Munyat al-Musalli* dan *Hidayah al-Muta'allim*. Selain itu, kaedah temubual separa struktur turut dilakukan untuk mendapatkan data tambahan yang berkaitan dengan topik. Hasil kajian menunjukkan Syeikh Daud telah memberi sumbangan signifikan terhadap perkembangan Islam di rantau Tanah Melayu dengan terbitnya penulisan ilmiah. Sumbangan islah beliau diteruskan sehingga ke hari ini kerana sebahagian karya-karya penulisan beliau ini masih dirujuk sehingga kini.

**Kata Kunci:** Ulama Nusantara, Fiqh al-Shafie, karya, sumbangan, Tanah Melayu

## 1. Pengenalan

Tugas menyampaikan ajaran Islam dijalankan selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. digalas oleh para sahabat baginda S.A.W. Seterusnya ia berpindah pula kepada para Tabi'in dan kemudiannya Tabi' al-Tabi'in. Mereka adalah ulama-'ulama' yang dipertanggungjawabkan oleh Rasulullah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia yang terkemudian sebagaimana sabda Nabi S.A.W yang diriwayat oleh Abu Daud:

وَافِرٌ بِحَظْ أَخْدَهُ فَمِنْ الْعِلْمِ وَرَثُوا دِرْهَمًا وَلَا نَارَ إِذْ يُورَثُوا لَمَّا الْأَنْبِيَاءُ وَرَثُتُمُ الْعِلْمَاءَ وَإِنَّ

Maksudnya: Para ulama adalah pewaris para nabi, dan para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, mereka hanyalah mewariskan ilmu. Barangsiapa mengambilnya maka ia telah mengambil bahagian yang banyak."

(Abu Daud, Sunan Abi Daud, Bab Wamin Fadhilluhum: Annahum Warasatul al-'Anbiya', kitab al-ilmi, no. Hadis 3157)

Setelah berabad-abad masa berlalu, agama Islam telah tersebar luas di muka bumi. Penyebaran Islam telah sampai ke Nusantara khususnya di Tanah Melayu sekitar awal abad ke 17. Alam Melayu turut melahirkan ulama-ulama alim dan faqih dalam bidang agama termasuklah Fiqh, Tauhid, Aqidah, Akhlak, Tasawuf dan sebagainya. Antara ulama terkenal di Alam Melayu iailah Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Nuruddin al-Raniri, Sheikh Arshad al-Banjari dan Sheikh Abdul Rauf Sinkel (Wan Mohd Saghir 2000a; 2000b; 2000c; Rosnani Hashim 2010; Ahmad Sharifudin 2013). Mereka telah mengembangkan ilmu-ilmu Islam kepada penduduk-penduduk setempat. Di samping itu, mereka juga menghasilkan penulisan-penulisan yang bermutu sebagai warisan yang bernilai untuk umat Islam. Justeru, artikel ini mengupas tentang sumbangan tokoh ulama Nusantara iaitu Sheikh Daud al-Fatani dengan memberi tumpuan kepada karya penulisan beliau dalam bidang fiqh al-Shafie.

## 2. Ulama Nusantara: Sekilas Biografi Sheikh Daud Al-Fatani

Beliau diberi gelaran *al-'Alim al-'Allamah al-'Arif al-Rabbani* Sheikh Wan Daud bin Sheikh Wan Abdullah bin Sheikh Wan Idris (juga dikatakan Wan Senik) al-Fatani (Hooker 1988; Ahmad Sharifudin 2013; Saref Masa & Faisal @ Ahmad Faisal 2014). Beliau juga digelar sebagai Sheikh Daud Waliyullah dan Sheikh Daud Pengarang Kitab. Beliau daripada keturunan yang dihormati oleh masyarakat Ibunya bernama Wan Fatimah, anak kepada Wan Selamat (Engku Ibrahim 1992) binti Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharaja bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Shah) bin Sultan Muzaffar Waliyullah bin Sultan Abu Abdullah Umdatun (Wan Abu atau Wan Bo Teri atau Maulana Israil Raja Campa) (Wan Mohd Saghir 1991; Ahmad Sharifudin 2013; Saref Masa & Faisal @ Ahmad Faisal 2014).

Manakala keturunan dari sebelah ayahnya pula Sheikh Daud bin Abdullah bin Sheikh Wan Idris (digelar sebagai Tok Wan Derashid atau Sheikh Wan Senik) bin Tok Wan Abu Bakar atau bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharaja Lela bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Shah) bin Sultan Muzaffar Waliyullah bin Sultan Abu Abdullah Umdatun bin Sayyid Ali bin Sayyid Nur Alam bin Maulana Sheikh Jamaluddin al-Akbar al-Husayni bin Sayyid Ahmad Shah bin Sayyid 'Abdul Malik @ Sayyid 'Abdul Muluk bin Sayyid 'Alwi bin Sayyid Muhammad Shahib Mirbat bin Sayyid 'Ali Khali Qasam bin Sayyid 'Alwi bin Imam 'Isa Naqib bin Muhammad Naqib bin Imam

‘Ali al-Uraydi bin Imam Ja’far Sadiq bin Imam Muhammad al-Baqir bin Sayyidina ‘Ali bin Zaynal ‘Abidin bin Sayyidina Husayn (cucu Rasulullah S.A.W.) dari perkahwinan Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah S.A.W (Wan Mohd Saghir 1990; Ahmad Sharifudin 2013). Penjelasan ini menunjukkan beliau mempunyai salsilah keturunan Rasulullah SAW yang diwarisinya daripada bapanya.

## A) Kelahiran

Terdapat beberapa pendapat tentang tarikh kelahiran Sheikh Daud al-Fatani iaitu 1133H/1720M, 1153H/1740M, dan 1183H/1769M. Artikel dalam Ensiklopedia Islam Indonesia (1992) mengatakan Sheikh Daud al-Fatani lahir pada tahun 1122H/1709M (Wan Mohd Saghir 2000). Ayzumardi Azra (1994) dalam tulisannya berpendapat Sheikh Daud al-Fatani lahir pada tahun 1153H/1740M memandangkan beliau pernah belajar dengan al-Barawi (1182H/1768M) dan karya pertamanya disiapkan di Mekah pada tahun 1224H/1809M. Ini bermakna ketika usianya 69 tahun, beliau telah memantapkan dirinya sebagai ulama.

Ahmad Fathi al-Fatani (2002) mengatakan Sheikh Daud al-Fatani hidup sezaman dengan Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari (1710-1812M). Haji Nik Ishak Tikat berpendapat tahun kelahiran Sheikh Daud al-Fatani adalah pada tahun 1183H/1769M. Bagaimanapun Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah berpendapat tarikh 1133H/1720M adalah tarikh yang paling kuat untuk dipegang berdasarkan tulisan Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Abdul Qadir al-Sanawi (t.t):

*“Dan sangat mustajab doanya dan panjang umurnya kadar 166 tahun. Iaitu mati pada masa Sultan Sharif Muhammad Arshad Khan al-Abbas 1297 Hijrah”.*

Jika tahun 1297H itu ditolak 166 tahun, ia menghasilkan 1131H. Ini bererti tarikh kelahiran Sheikh Daud al-Fatani adalah 1131H/1718M dan ianya selisih dua tahun sahaja dengan tahun 1133H/1720M yang menjadi pilihan Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah. Dalam hal ini penulis memilih pendapat Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah memandangkan hujahnya yang logik dan boleh diterima.

Tempat kelahiran beliau adalah di kawasan persekitaran istana Patani, Kerisik di mana keluasannya adalah satu kilometer persegi. Rumah kediaman keluarga beliau berada dalam kawasan tersebut kerana secara turun temurun keluarga beliau memainkan peranan penting terhadap kegiatan Islam dalam kerajaan Patani sehingga sampai kepada ayahanda beliau Sheikh Wan Abdullah bin Wan Idris bin Sheikh Wan Senik al-Kariski al-Fatani. Abdullah al-Qari (1967) menyebut dalam majalah Dian bahawa Sheikh Daud al-Fatani lahir di Kampung Bendang Gucil. Ismail Che Daud (1988) dan Ahmad Fathi al-Fatani (2002) pula berpendapat beliau lahir di Kampung Parit Marhum berhampiran dengan Kampung Kerisik. Pendapat ini pernah dikemukakan oleh beberapa orang Patani kepada Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah. Bagaimanapun Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah berpegang dengan pendapat bahawa Sheikh Daud al-Fatani lahir di Kerisik. Ia dapat dibuktikan dengan tulisan Haji Muhammad Husin bin Abd Latif al-Fatani yang terkenal dengan panggilan Tok Kelaba dalam serangkap nazam syairnya:

*“Fatani yang masyhur negeri muallifnya.  
Negerinya itu Kerisik yang hampar sungainya”*

*(Hidayah al-Muta ’allim 1883)*

Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah pernah dibawa oleh keturunan keluarga Sheikh Daud al-Fatani ke tempat bekas rumah beliau dilahirkan di Kerisik pada tahun 1971 dan sempat menjumpai tunggal-tunggal bekas tiang rumahnya. Pada penghujung 1994 beliau telah melawat perigi Sheikh Daud al-Fatani yang terletak di kawasan Parit Sungai Kerisik berdekatan dengan rumah kelahirannya (Wan Mohd Saghir bin Abdullah 2000). Penulis berpegang dengan pendapat Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah berdasarkan hujahnya yang logik dan boleh diterima.

## B) Pendidikan dan Guru-guru

Sheikh Daud al-Fatani mendapat pendidikan asas Islam dalam lingkungan keluarga sendiri dimana bapanya (Sheikh Wan Abdullah) dan datuknya (Sheikh Wan Idris) adalah ulama besar. Beliau juga belajar di pelbagai pondok di Patani seperti Pondok Kuala Bekah, Pondok Kerisik, Pondok Samla dan Pondok Pauh Bok (Ayzumardi Azra 1994). Ada di kalangan ulama di pondok-pondok tersebut yang datang dari Timur Tengah dan Yaman (Matheson, Virginia & Hooker 1988).

Kemudian beliau belajar di Aceh dengan Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Ashi seorang ulama terkemuka pada masa pemerintahan Sultan Alauddin Mahmud Shah (1174-1195H/1760-1781M). Sheikh Daud al-Fatani mendalami ilmu fiqh dari guru tersebut setelah belajar selama dua tahun. Pada tahun 1765M, beliau berangkat ke Mekah untuk mendalami ilmu dimana beliau bertemu dengan rakan-rakan yang berasal dari Patani seperti Ali bin Ishak al-Fatani dan Sheikh Muhammad Salih bin Abdul Rahman al-Fatani. Semasa di Mekah, beliau telah menubuhkan sebuah persatuan anak-anak Melayu bersama pelajar-pelajar dari Asia Tenggara (Hurgronje 1906).

Beliau pernah berguru dengan Isa bin Ahmad al-Barawi (meninggal 1182H/1768M) bersama dengan rakan-rakan dari Nusantara seperti Abdul Samad al-Falimbani, Muhammad Arshad al-Banjari, Abdul Rahman al-Batawi,

Muhammad Nafis dan Abdul Wahab Bugis Riddell (2001). Dalam kalangan rakan-rakan seperguruan, beliau adalah yang paling muda dan dilantik sebagai guru muda. Murid yang lebih tua menjadi guru beliau atau paling kurang membantunya ketika belajar. Beliau menuntut ilmu hadith dan fiqh khusus perbandingan mazhab daripada Isa bin Ahmad al-Barawi. Bidang kesufian pula, beliau menuntut daripada Sheikh Muhammad Salih bin Abdul Rahman al-Fatani.

Sheikh Daud al-Fatani juga alim dalam bidang hadith dimana beliau mempunyai *sanad* dalam ilmu hadith bersambung dengan al-Barawi serta tokoh-tokoh ulama seperti 'Abdullah al-Basri, 'Ala' al-Din al-Babi, Shamsuddin al-Ramli dan Zakariyya al-Ansari. Walaupun Sheikh Daud al-Fatani tidak pernah ke Mesir, beliau sempat belajar dengan beberapa ulama besar Mesir seperti Sheikh al-Azhar yang terkenal, iaitu al-Sharqawi, semasa ulama itu datang ke Mekah. Shaykh al-Sharqawi terkenal dalam bidang hadith, shariah, ilmu kalam dan tasawuf. Disamping itu Sheikh Daud al-Fatani juga pernah berguru ilmu fiqh dan ilmu kalam daripada Muhammad 'Ali al-Shanwani (meninggal 1233H/1818M) yang merupakan pengganti Shaykh al-Sharqawi sebagai Sheikh al-Azhar (Saifullah Mohd Sawi 2005)

Selain daripada guru-guru tersebut, Sheikh Daud al-Fatani juga berguru dengan ulama-ulama lain seperti Muhammad As'ad, Ahmad al-Marzuqi, dan Ibrahim al-Ra'is al-Zamzani al-Makki. Muhammad As'ad dan Ahmad al-Marzuqi merupakan guru beliau dalam fiqh selain daripada mazhab Shafi'i dan juga ilmu tarikat Syaziliah. Ini membuktikan beliau tidak keberatan untuk mendalami mazhab yang berbeza dari yang difahami dan diamalkan sehari-hari sebagai satu kelapangan dalam beragama (Saifullah Mohd Sawi 2005).

Antara guru-guru yang disebut dalam sebuah manuskrip tulisan Sheikh Daud al-Fatani adalah: Sheikh Ataullah, Sheikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh, Sheikh Muhammad bin Abdul Karim Al-Sammani al-Madani dan Sayyid Sulaiman bin Yahya bin Umar Maqbul al-Ahdal. Gurunya yang paling terkenal semasa beliau menuntut di Patani ialah Sheikh Abdul Rahman Pauh Bok al-Fatani. Manakala guru-guru beliau di Mekah dan Madinah adalah juga guru-guru Sheikh Abdul Samad al-Falimbani dan Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari (Ahmad Sharifudin 2013).

Sheikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (Padang) membuat kesimpulan ini dalam tiga buah karyanya berdasarkan bukti-bukti berikut (Muhammad Yasin bin 'Isa al-Fadani 1988). Pertama, Sheikh Daud al-Fatani telah mempelajari kitab *al-Azhariyyah Wa Sharhuha Wa Sharh al-Ajrumiyyah* dengan al-Sayyid Sulaiman bin Yahya bin Umar Maqbul al-Ahdal, saudara kandung Sayyid Abdul Rahman bin Yahya al-Ahdal yang merupakan guru kepada Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari (Wan Mohd Saghir 1990). Sheikh Abdul Samad al-Falimbani pula pernah menuntut dengan kedua-dua ulama tersebut, bahkan dengan bapa mereka iaitu Sayyid Yahya bin Umar Maqbul al-Ahdal. Sheikh Yasin Padang menulis dalam kitabnya *Tasnif al-Asma'* bahawa seorang ulama bernama Muhammad Zainuddin al-Fatani berguru dengan Al-Sayyid Abi al-Faydh Muhammad Murtadha al-Zabidi dan Sheikh Daud al-Fatani. Sayyid Abi al-Faydh Muhammad Murtadha juga merupakan guru kepada Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari.

Kesimpulannya guru-guru Sheikh Daud al-Fatani adalah terdiri daripada ulama-ulama yang terkenal dan alim daripada pelbagai bidang keilmuan seperti fiqh, fiqh perbandingan, hadith, syariah, ibadat, ilmu kalam, tasawuf dan lain-lain dari pelbagai tempat seperti Patani, Mekah, Madinah, Yaman dan Mesir. Ini menyumbang kepada kepakaran dan kealimannya dan membuatkannya terkenal di seluruh Nusantara.

### C) Meninggal Dunia

Sheikh Daud al-Fatani telah meninggal dunia di Taif dan dimakamkan bersebelahan makam 'Abd Allah bin 'Abbas R.A. Bagaimanapun terdapat banyak pendapat tentang tarikh beliau meninggal dunia. Ismail Che Daud dalam tulisannya menyatakan beliau meninggal dunia pada tahun 1263H/1847M. Ia bersumberkan Haji Nik Tikat. Saifullah Mohd Sawi (2005) pula mengatakan tarikh beliau meninggal adalah pada tahun 1265H/1847M. Ada juga pendapat yang mengatakan beliau meninggal dunia pada usia 80 tahun (78 mengikut tahun Masihi). Hajjah Wan Zainab binti Sheikh Ahmad al-Fatani pula mengatakan bahawa umur beliau ketika meninggal dunia adalah hampir 200 tahun (Wan Mohd Saghir 2000).

Tuan Guru Haji Abdul Hamid al-Sanawi Teluk Manuk menegaskan beliau meninggal dunia pada tahun 1297H/1879M dalam usia 166 tahun. Pendapat ini disokong oleh rujukan Haji Wan Mohd Saghir terhadap masnuskip-manuskrip di Muzium Pusat Islam dimana beliau telah menjumpai tulisan mengatakan pada tahun 1297H telah diisytiharkan di seluruh Patani supaya sembahyang ghaib terhadap Sheikh Daud al-Fatani (Wan Mohd Saghir 2000). Dalam hal ini penulis memilih pendapat Haji Wan Mohd Saghir memandangkan terdapat bukti daripada manuskrip tersebut.

### 3. Sumbangan Sheikh Daud Al-Fatani dalam Bidang Penulisan

Syeikh Daud al-Fatani diperakui mempunyai pengetahuan yang lebih daripada mencukupi untuk tampil sebagai seorang ulama utama Melayu-Indonesia pada tempoh transisi abad ke 18M dan 19M. Kehebatan keilmuan beliau belum lagi dapat ditandingi oleh ilmuan Islam selepas beliau hingga kini di Nusantara (Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan 2012). Beliau dikenali sebagai seorang ulama tersohor di nusantara. Keilmuan beliau hasil daripada didikan keluarga sejak kecil yang mementingkan aspek agama sebagai teras hidup. Selain itu, keluarga beliau merupakan keluarga yang telah melahirkan ilmuwan (Saref Masae & Faisal @ Ahmad Faisal 2014).

Sheikh Daud al-Fatani telah mengarang kitab-kitab dalam pelbagai bidang dan merangkumi hampir semua cabang ilmu Islam seperti fiqh, ibadat, ilmu kalam, tasawuf, penunjuk kehidupan sehari-hari, kewajiban muslim terhadap

sesama muslim dan bukan muslim, fiqh secara umum, pengajaran solat, perniagaan, harta pesaka/faraid serta perkahwinan dan perceraian (Saifullah Mohd Sawi 2005; Wan Mohd Saghir 2000). Beliau merupakan ulama Patani yang paling terkenal dan prolifik yang menghasilkan banyak karya di Nusantara (Vorhoeve 1965; Ahmad Sharifudin 2013). Karya pertamanya adalah di Mekah pada tahun 1224H/1809M iaitu kitab *Ghayah al-Taqrif Fi al-Irth Wa al-Ta'sib*, manakala karyanya yang terakhir adalah kitab *Al-Bahjah al-Mardiyah* pada tahun 1259H/1843M (Matheson dan Hooker 1988; Ahmad Sharifudin 2013).

Artikel ini membahagikan karya-karya penulisan Sheikh Daud berdasarkan kepada bidang iaitu fiqh, ibadah, akidah, tasawuf, akhlak, tarikh dan sastera.


#### **Jadual 1- Senarai Karya Sheikh Daud al-Fatani**

<b>Bidang</b>	<b>Judul buku/manuskrip</b>	<b>Catatan</b>
Fiqh	1 <i>Ghayah al-Taqrif Fi al-Irth Wa al-Ta'sib</i>	
	2 <i>Al-Bahjah al-Mardiyah</i>	
	3 <i>Bughyah al-Tullab Li Murid Ma'rifah al-Ahkam al-Sawab</i>	
	4 <i>Jam' al-Fawa'id Wa Jawahir al-Qala'id</i>	
	5 <i>Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mua'llim</i>	
	6 <i>Fath al-Manan Li Safwah al-Zubad</i>	
	7 <i>Furu' al-Masa'il</i>	
	8 <i>Jawab Bagi Soal Yang</i>	
	9 <i>Datang Dari Fatani Darussalam</i>	
	10 <i>Tuhfah al-Ikhwan Fi Nisf Sha'ban</i>	
	11 <i>Al-Sayd Wa al-Dhaba'i</i>	
	12 <i>Hukum Hayd Dan Istihadah</i>	
	13 <i>Qism al-Zakat Bayna Asnaf</i>	
	14 <i>Nahj al-Raghibin</i>	
	15 <i>Ghayah al-Taqrif Fi al-Irth Wa al-Ta'sib</i>	
	16 <i>Ghayah al-Maram</i>	
Ibadah	1 <i>Idah al-Albab Li Murid Nikah Bi al-Sawab</i>	Kupasan solat
	2 <i>Kayfiyyah Solah al-Tarawih</i>	Kupasan solat
	3 <i>Nubdhah Fi Bayan Shurut al-Jumu'ah</i>	Kupasan solat
	4 <i>Bulugh al-Maram Pada Bicara Kayfiyyah Muqaranah Takbirah al-Ihram.</i>	Kupasan solat
	5 <i>Ta'liq al-Latif Mimma Yata'llaq Bi Jawaz al-Jumu'ah</i>	Kupasan solat
	6 <i>Munyah al-Musalli</i>	Kupasan solat
	7 <i>Al-Bahjah al-Mardiyah</i>	Kupasan solat
Akidah	1 <i>Al-Bahjah al-Saniyyah Fi al-'Aqaid al-Saniyyah/ Tahsil al-Nayl al-Maram Sharh 'Aqidah al-'Awam</i>	
	2 <i>'Aqidah al-'Awam</i>	
	3 <i>Sifat Dua Puluh</i>	
	4 <i>Kifayah al-Mubtadi Fi I'tiqad al-Mursalin</i>	
	5 <i>Muqaddimah al-Kubra</i>	
	6 <i>Al-Durr al-Thamin Fi 'Aqa'id al-Mu'minin</i>	
	7 <i>Sullam al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtad</i>	
	8 <i>Ta'alluq Bi Kalimah al-Iman</i>	
	9 <i>Bisharah al-Ikhwan Bi Asbab al-Mawt 'ala al-Imam</i>	
	10 <i>Ward al-Zawahir Li Hill Alfaz I'qd al-Jawahir</i>	
	11 <i>Sharah Qasidah Ibn al-Wara</i>	
	12 <i>Kifayah al-Jawiyah</i>	
Tasawwuf	1 <i>Manhal al-Safi Fi Ramz Ahl al-Sufi</i>	
	2 <i>Bidayah al-Hidayah.</i>	
	3 <i>Wasaya al-Abrar Wa Maw'iz al-Akhyar</i>	
	4 <i>Al-Qurb Ila Allah</i>	

	5 <i>Risalah Syatariyyah Wa Naqshabandiyah Wa Hama 'iliyyah</i>
	6 <i>Tuhfah al-Raghabin Fi Suluk Tariq al-Muttaqin</i>
	7 <i>Minhaj al-A 'bidin Ila Jannah Rabb al-A 'lamin</i>
	8 <i>Kanz al-Minan A 'la Hikam Abi Madyan radiyAllahu a 'nh</i>
	9 <i>Diya' al-Murid Fi Ma 'rifah Kalimah al-Tawhid</i>
	10 <i>Al-Jawahir al-Saniyyah Fi Sharh al-A'qa'id al-Diniyyah Wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyyah</i>
	11 <i>Risalah Mudhakarah</i>
Tarikh/ Sirah	1 <i>Kisah Nabi Yusuf Alaihi al-Salam</i>
	2 <i>Hikayat Laki-laki Yang Soleh</i>
	3 <i>Fara'id al-Fawaaid al-Fikr al-Imam al-Mahdi</i>
Sastera	1 <i>Tarikh Fatani</i>
	2 <i>Kifayah al-Muhtaj</i>
	3 <i>Muswaddah</i>
	4 <i>Iqdah al-Jawahir</i>
	5 <i>Al-Bahjah al-Wardiyyah</i>
Akhhlak/ Pesanan	1 <i>Risalah al-Masail</i>
	2 <i>Tanbih al-Ghafilan</i>
	3 <i>Risalah Kelebihan Basmalah</i>
	4 <i>Risalah Kelebihan Hamdalah</i>
	5 <i>Al-Tanbih</i>
	6 <i>Sharh Matn Hikam 'Allamah Ibn Ruslan</i>
	7 <i>Kashf al-Ghummah</i>

Sumber (Kajian Ahmad Sahrifudin 2013).

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan dalam jadual 1, karya-karya Sheikh Daud boleh dibahagikan seperti carta berikut:



Carta 1 - Pecahan Peratusan Karya Mengikut Bidang

Daripada analisis yang dilakukan dalam carta 1, sumbangan Sheikh Daud dalam bidang penulisan adalah tertumpu kepada karya fiqh iaitu mewakili sebanyak 30% (16 buah). Ia diikuti oleh karya akidah iaitu 23% (23 buah) dan tasawuf sebanyak 21% (11 buah). Seterusnya bidang akhlak 12% (7 buah), ibadah 11% (6 buah), sastera 9% (5 buah) dan tarikh adalah 6% (3 buah). Daripada analisis yang telah dilakukan menunjukkan Sheikh Daud telah memberi sumbangan penulisan yang besar dalam bidang fiqh.

#### 4. Analisis Karya Penulisan dalam Bidang Fiqh Al-Shafie

Beliau antara pengarang yang paling terkenal dan merupakan ulama yang paling banyak menghasilkan karya Fiqh dalam mazhab Shafie di nusantara. Ketokohan beliau dalam bidang penulisan Fiqh al-Shafie diakui oleh semua lapisan

ulama di Alam Melayu bahkan oleh ulama-ulama Arab sendiri. Di antara karangannya yang terkenal adalah *Bughyat al-Tullab*, *al-Saidu Wa al-Zabaih*, *al-Bahjat al-Saniyat*, *Munyat al-Musalli* dan *Hidayah al-Muta'allim*. Kitab-kitab tersebut disalin dan diterbitkan dari masa ke semasa dari masa hidup beliau hingga ke hari ini (Ahmad Sharifudin 2013). Sheikh Daud al-Fatani adalah seorang yang mengikut mazhab Shafie, bukti perkara ini telah dijelaskan oleh Wan Mohd Saghir (2008) dalam Utusan beliau telah mendahuluikan Imam Shafie daripada ulama-ulama lain . perkara ini dapat dilihat dalam *Bughyatuth Thullab*, yang ringkasannya sebagai berikut:

*"Aku sebut sebahagian daripada manaqib radiallahu anhu kerana mengambil tabarruk. Bahawa dia adalah Sultan A'immah, namanya Muhammad, kuniyahnya Abu Abdullah bin Idris bin Abbas bin Usman bin Shafi'e bin Saib bin Ubaid bin Abdi Yazid bin Hasyim bin Abdul Muthalib bin Abdi Manaf nenek Nabi s.a.w".*

Berikut merupakan analisis kepada kandungan karya-karya Sheikh Daud dalam bidang fiqh al-Shafie. Artikel ini hanya membincangkan aspek kandungan secara diskriptif sahaja tanpa melakukan analisis teks yang mendalam. Antara karya beliau adalah seperti berikut:

### **Bughyah al-Tullab Li Murid Ma'rifah al-Ahkam al-Sawab**

Kitab ini ditulis untuk memperluaskan kandungan kitab *al-Sirat al-Mustaqim* (1044–1054H) karya Sheikh Nuruddin al-Raniri dan *Sabil al-Muhtadin* (1193H) karya Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari (Wan Mohd Saghir 2000). Ketiga-tiga kitab tersebut adalah kitab Fiqh yang berkaitan bahagian ibadat yang besar dan paling lengkap di alam Melayu. *Muqaddimah* kitab ini mengemukakan banyak hadith tentang kelebihan ilmu dan sejarah ringkas Imam Shaf'i. Kitab ini telah banyak kali dicetak di Mekah, Mesir dan Turki pada masa dahulu dengan diusahakan oleh Sheikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani dan kemudian diteruskan oleh ahli waris iaitu Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Muhammad Daud al-Fatani dan Sheikh Nur Daud al-Fatani. Cetakan pertama oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada tahun 1310H/1892M. Dalam cetakan kedua pada tahun 1321H/1903M oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah disebutkan:

*"Dan ditashihkan (diperbetulkan) dia sehingga-hingga cermat serta dimuqabalah (dibandingkan) dengan naskhah yang sudah mengajar oleh Sheikh Abdul Qadir al-Fatani".*

Dalam cetakan ketiga oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada tahun 1328H/1910M disebutkan (Wan Mohd Saghir 1991):

*"Dan ditashihkan dia sehingga-hingga cermat serta dimuqabalah dengan khat muallif sendiri"*

Manuskrip kitab ini yang bertulisan tangan tersimpan di Pusat Islam bernombor MI 407 dan MI 306 (Ahmad Sharifudin 2013).

### **Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mua'llim**

Kitab ini ditulis pada tahun 1244H/1828M. Cetakan pertama adalah cetakan Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada tahun 1312H/1894M. Seterusnya pada tahun 1322H/1904M dan 1331H/1912M. Ia ditashih oleh Sheikh Daud bin Ismail al-Fatani dengan perintah Sheikh Ahmad al-Fatani (Wan Mohd Saghir 1991). Kitab ini merupakan kitab fiqh mazhab Shaf'i pertama yang lengkap seluruh judul kitab, *rubu'* bab dan fasal (Wan Mohd Saghir 2002).

### **Fath al-Manan Li Safwah al-Zubad**

Kitab ini ditulis pada tahun 1249H/1833M. Ia dicetak oleh Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, Mekah pada tahun 1330H/1911M atas usaha Sheikh Abdullah Daud dan Sheikh Muhammad Nur Daud. Kedua-duanya merupakan anak kepada Sheikh Muhammad Daud al-Fatani. Kitab ini merupakan kitab fiqh yang lengkap kitab, *rubu'* bab dan fasal selain kitab *Furu' al-Masa'il*. Ia pernah digunakan sebagai rujukan di kerajaan Sambas dan Mempawah. Ia dihadiahkan oleh Sheikh Abd al-Rahman al-Fatani kepada Raden Anom Kesuma Negara Mempawah. Sheikh Daud al-Fatani juga pernah datang ke Sambas dan sempat menghadiahkan beberapa buah kitab kepada muridnya di situ, antaranya mufti Sheikh Abdul Samad Sambas. Kitab ini juga telah dihadiahkan kepada Sultan Sambas sendiri (Wan Mohd Saghir 2002; Ahmad Sharifudin 2013).

### **Furu' al-Masa'il**

Kitab ini ditulis pada tahun 1257H/1841M. Cetakan pertama adalah cetakan Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, Mekah pada tahun 1302H/1884M atas usaha dan *tashih* oleh Sheikh Ahmad al-Fatani. Ia merupakan sebuah kitab karangannya yang paling besar dan membicarakan *furu'-furu' fiqhiyyah* (cabang-cabang yang tersembunyi dalam ilmu fiqh) yang dijadikan rujukan oleh para mufti di Nusantara sebagai pengganti tempat kitab *Mir'ah al-Tullab* karya Sheikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri yang tidak banyak diterbitkan (Mohd Nor Ngah 1983); Wan Mohd Saghir 2002).

Sebahagian fatwa dalam kitab ini diterjemahkan oleh Sheikh Daud al-Fatani menggunakan fatwa Shaykh Muhammad al-Ramli dan daripada buku *Kashf al-Litham ‘An As’ilah al-Anam* oleh Husin bin Muhammad al-Mandili (Hasan Madmarn 1999).

### Al-Sayd Wa al-Dhaba’ih

Kitab ini ditulis pada hari Rabu 10 Safar di Mekah. Kandungannya membincarkan hukum penyembelihan, hukum pemburuan, hukum korban, hukum akikah, hukum binatang halal dan haram dimakan dan lain-lain yang ada kaitan dengan perkara-perkara tersebut. Kitab ini juga banyak kali diterbitkan di Mekah, Mesir dan Turki. Manakala yang berupa manuskrip selain terdapat dalam koleksi Haji Wan Mohd Saghir bin Abdullah, tersimpan juga di Pusat Islam Malaysia yang bernombor MI 246 dan MI 449. Cetakan pertama oleh Matba’ah al-Miriyyah, Mekah pada tahun 1310H/1892M hasil usaha Sheikh Abdul Rahman bin Muhammad Ali bin Ismail Gudang al-Fatani.

### Ghayah al-Taqrib Fi al-Irth Wa al-Ta’sib

Kitab ini ditulis pada tahun 1224H/1809M. Terdapat dua versi cetakan. Cetakan pertama adalah cetakan Matba’ah al-Miriyyah, Mekah pada tahun 1311H/1895M atas usaha Sheikh Abdul Rahman Gudang bin Sheikh Muhammad Ali bin Ismail al-Fatani. Cetakan kedua adalah cetakan Matba’ah al-Taqaddum al-‘Ilmiyyah, Mesir pada tahun 1345H/1926M atas usaha dan pembiayaan Muhammad Said bin Abdul Rasul. Kitab ini membincangkan tentang pembahagian pusaka (Hasan Madmarn 1999).

### Idah al-Albab Li Murid Nikah Bi al-Sawab

Kitab ini ditulis pada tahun 1224H/1809M. Kitab ini merupakan tulisan awal beliau tentang fiqh dan membincarkan hukum perkahwinan menurut mazhab Shafii’I (Hasan Madmarn 1999). Dalam tulisannya, C Snouck Hurgronje menyifatkan kitab ini sebagai “*A handbook of marriage law anonymously published in Constantinople*”.

## 5. Kesimpulan

Daripada kajian yang telah dilakukan, membuktikan Sheikh Daud al-Fatani merupakan seorang ulama yang terkemuka dan terbilang kerana berjaya menghasilkan karya dalam pelbagai bidang. Sumbangan beliau dalam bidang penulisan di Nusantara amat besar dan ia sangat bernalih kepada bangsa Melayu Islam dan juga kepada negara.

Analisis teks daripada tujuh buah karya fiqh al-Shafie menunjukkan Sheikh Daud pakar dalam syariat Islam. Malah beliau berusaha untuk memahamkan masyarakat Melayu tentang syariat Islam khususnya cara pelaksanaan ibadah dengan betul mengikut mazhab al-Shafie. Malah beliau turut mengemukakan pandangan ulama-ulama Fiqh Shafii’iyah muta’akhirin. Oleh itu, dapat disimpulkan perbahasan tentang fiqh Shafie oleh Sheikh Daud meliputi bab-bab berikut:



Rajah 1 - Bab Fiqh Shafie yang dibahas oleh Sheikh Daud dalam karyanya

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Malaysia atas bantuan dan maklumat yang diberikan untuk memastikan kejayaan kajian ini.

## Rujukan

- [1] Ahmad Sharifudin P.hD., (2013), Kitab Hidayah al-Muta’allim Wa ‘Umdah al-Mua’llim Karangan Sheikh Daud al-Fatani: Kajian Teks dan Analisis, Tesis Phd, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

- [2] Abdullah, W.M.S.(1990), Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara, Shah Alam : Hizbi Publication
- [3] Abdullah, W.M.S. (1991a), "Sejarah Ringkas Sheikh Daud Dan Karya-karyanya" (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat)
- [4] Abdullah, W.M.S. (1991b), Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara, vol.1. Kuala Lumpur : Khazanah Fataniyyah.
- [5] Abdullah, W.M.S.(1991c), "Mengkaji Kandungan Kitab Hidayah al-Muta'allim Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani", Jurnal Dewan Bahasa, vol. 35, April 1991
- [6] Abdullah, W.M.S.(1998), "Peranan Dan Sumbangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik" (Kertas Kerja, Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2-3 September 1998)
- [7] Abdullah, W.M.S. (2000a), Penyebaran Islam Dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu, vol.10, Kuala Lumpur : Khazanah Fataniyyah
- [8] Abdullah, W.M.S. (2000b), Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara, vol.1, Kuala Lumpur : Khazanah Fataniyyah
- [9] Abdullah, W.M.S. (2000c), Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara, vol.5, Kuala Lumpur : Khazanah Fataniyyah
- [10] Abdullah, W.M.S. (2001), Dhiyaul Murid Sheikh Daud al-Fatani Pedoman Zikir Menuju Ilahi, Kuala Lumpur : Khazanah al-Fataniyyah
- [11] Abdullah, W.M.S. (2003), Majlis Tazkirah Tokoh Islam Sheikh Daud al-Fatani Kali ke 2 (Kertas kerja Seminar di Sekolah Menengah Sains Muar, 28 April 2003)
- [12] Abdullah, W.M.S. (2004), Wasiat Abrar Peringatan Akhyar Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Kuala Lumpur : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fataniyyah
- [13] Abdullah, W.M.S. (2008), Bicara Agama: Ulama Rujukan Sheikh Daud al-Fathani, Utusan Online, 10 Mac 2008, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0310&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0310&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama). [Dicapai pada 16/8/2015]
- [14] Anon, (2007), Kamus Dewan, edisi keempat, Selangor: Dawama Pt. Ltd
- [15] Anon, (1992), Ensiklopedia Islam Indonesia, Jakarta: Jambatan Publication
- [16] Ayzumardi, A. (1994), Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII, Bandung : Mizan Publisher
- [17] Bradley, F.R. (2007), "Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani's Writings Contained In The National Library of Malaysia", Jurnal Filologi Melayu, vol.15, 2007
- [18] Che Daud, I (1988), Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu, vol.1, Kota Bharu :Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- [19] Fatani, A.F. (2002), Ulama Besar Dari Patani, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- [20] Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan (2012), Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud al-Fatani Menerusi Kitabnya Furu' al-Maasail Tumpuan Kepada Elemen Fiqheconomii. Jurnal Fiqh, No. 9 (2012) 113-136
- [21] Hooker, M.B. (1988), Islam In Southeast Asia, Leiden :EJ Brill
- [22] Hurgronje, C.S. (1906), Mekka In Later Part Of 19th Century, Leiden : EJ Brill
- [23] Ismail, E.I. (1992), Syeikh Dawud al-Fatani : Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara, Kuala Lumpur : Academy of Malay Studies, Universiti of Malaya
- [24] Madmarn, H. (1999), The Pondok And The Madrasah In Patani, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- [25] Matheson, Virginia and Hooker, M. B. (1988), "Jawi Literature In Patani : The Maintanance Of Tradition", Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society
- [26] Mohd Sawi, S. (2005), "Mengenal Tiga Ulama Besar di Thailand" (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara III in Facultyof Islamic Studies UKM)
- [27] Ngah, M. N. (1983), Kitab Jawi : Islamic Thought Of The Malay Muslim Scholars, Singapore : Institute Of Southeast Asian Studies
- [28] Qari, A. (1967), Pujangga Sheikh Daud al-Fatani, Dian, vol. 10
- [29] Rosnani Hashim (Ed), (2010), Reclaiming the conversation: Islamic intellectual tradition in the Malay Archipelago. Selangor, Malaysia: The Other Press
- [30] Riddell, P. (2001), Islam And The Malay-Indonesian World, Singapore: Horizon Books
- [31] Shukri, I. (1986), "History Of The Malay Kingdom Of Pattani", The Journal Of Asian Studies, Conner Bailey and John N. Miksic, vol. 45, Issue 04, August 1986
- [32] Saref Masae & Faisal @ Ahmad Faisal (2014), Sheikh Daud Bin Abdullah Al- Fatani: Sumbangannya Dalam Pendidikan Islam Di Pattani. Jurnal al-Muqaddimah Bil. 2 (2) 2014, 102-114
- [33] Voorhoeve, P. (1965), "dawud", Encyclopedia Of Islam, vol.II, Leiden : E.J. Brill.